

Tidak ada kubu pembangkang di Kelantan

DI 29 JUN 1990

PENKALAN CHEPA, Khamis — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak menganggap ada kawasan yang dikatakan mempunyai ramai penyokong parti Semangat 46 dan Pas sebagai 'kubu pembangkang'.

Serentak itu, beliau juga menafikan siri lawatannya ke beberapa negeri sekarang sengaja dirancang untuk menembusi sebarang kubu pembangkang.

Bercakap di sidang akhbar di lapangan terbang Sultan Ismail Petra di sini ebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini, Perdana Menteri berkata:

"Kita lawat seluruh negara, tidak mengira tempat. Lagi pun kita tidak menganggap ada se-setengah kawasan adalah kubu pembangkang."

Ditanya sama ada suasana politik negeri ini mengizinkan kerajaan mengadakan pilihanraya sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) bersedia mengadakan pilihanraya pada bila-bila masa.

"Saya berpuas hati dengan keadaan politik di Kelantan se-

karang, terutama apabila didapati lebih 1,000 ahli Pas di kawasan Meranti, Pasir Mas, memohon untuk menyertai Umno," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak membayangkan bila sebenarnya pilihanraya umum akan diadakan.

Kepada soalan lain, beliau menjelaskan masalah dalaman yang dihadapi oleh Umno di Kelantan sekarang sudah selesai, termasuk Bahagian Pasir Mas sendiri yang kini dikendalikan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob, yang juga Menteri Besar Kelantan.

"Bagi kita semua masalah dalaman yang dihadapi oleh beberapa Bahagian Umno di negeri ini sudah selesai," katanya.

Mengenai adanya halangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk membangunkan Kelantan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "kita akan menyelesaikan masalah itu."

Terdahulu, beliau mengadakan perjumpaan tertutup dengan pegawai Kerajaan Pusat dan negeri di Kota Darulnaim selepas makan malam.